

PERCUMA



Wadah MAIPk

مجلس أئماء إسلام
دان عادت ملايو فيراف

Wadah
MAIPk
Edisi Pertama 2020
Bil Ke-35



**RM11.95 JUTA DANA KHAS AGIHAN ZAKAT BANTU
USAHA HADAPI PANDEMIK WABAK COVID-19**



PROGRAM JEJAK ASNAF DAN ZIARAH RAMADAN 1441H



TAKLIMAT FUNGSI, TANGGUNGJAWAB DAN TATAKELAKUAN JAWATANKUASA KARIAH DAN PEGAWAI
MASJID MENURUT UNDANG-UNDANG SERTA BENGKEL PERCAMBANAN MINDA BANTUAN MODAL
PERNIAGAAN MAIPk BERSAMA ORANG-ORANG BESAR JAJAHAN NEGERI PERAK



SILA IMBAS KOD
UNTUK MUAT TURUN

RM11.95 JUTA DANA KHAS AGIHAN ZAKAT BANTU USAHA HADAPI WABAK COVID-19

IPOH, 25 Mac 2020 - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dengan kerjasama beberapa rakan strategik, memperuntukkan Dana Khas Agihan Zakat sebanyak RM11.95 Juta. Dana khas yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Shah al-Maghfur Lah bertujuan meringankan bebanan rakyat dan membantu usaha pelbagai pihak menghadapi wabak Covid-19. Baginda menyedari dan prihatin bahawa pandemik Covid-19 memberikan kesan langsung kepada kehidupan

rakyat terutama dalam kalangan mereka yang tidak berpendapatan tetap dan mereka yang berada dalam kumpulan berpendapatan rendah.

Dana khas ini terdiri daripada peruntukan zakat sebanyak RM11.11Juta, RM30,000 sumbangan daripada Pengerusi Yayasan SP Setia dan RM800,000 sumbangan daripada bahagian zakat oleh sektor korporat. Pihak MAIPk juga menyediakan sembilan inisiatif bentuk bantuan bagi meringankan bebanan rakyat negeri Perak yang terjejas dan terkesan akibat pandemik Covid-19.

01

BANTUAN KOTAK MAKANAN (TAMBAHAN)

- Disalurkan melalui Bilik Gerakan Covid-19 (Kendalian Pejabat Daerah & Tanah) di seluruh negeri Perak
- Peruntukan sebanyak RM240,000.00

02

BANTUAN KECEMASAN KELANGSUNGAN HIDUP

- Ketua Isi Rumah berpendapatan RM2000 kebawah
- Sumber pendapatan terjejas akibat diberhentikan kerja, cuti tanpa gaji, terhenti operasi atau atas sebab-sebab lain yang munasabah
- Peruntukan sebanyak RM5,800,000.00

03

BANTUAN KHAS MODAL PUSINGAN

- Peniaga, penjaja & usahawan yang pernah menerima Bantuan Modal Perniagaan dari MAIPk
- Perniagaan terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan
- Peruntukan sebanyak RM2,000,000.00

04

BANTUAN TERPUTUS BEKALAN MAKANAN

- Mahasiswa / mahasiswi di IPTA & PTS di seluruh negeri Perak
- Masih tinggal di tempat pengajian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan
- Peruntukan sebanyak RM100,000.00



DANA KHAS AGIHAN MAIPk

BANTU USAHA HADAPI WABAK COVID-19

RM11.95 JUTA



05

BANTUAN PENGURUSAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR LUAR NEGARA

- Pengurusan kebajikan mahasiswa / mahasiswi negeri Perak yang sedang berada di luar negara (Mesir, Jordan, Indonesia dll)
- Peruntukan sebanyak RM100,000.00

09

PELAN KONTIGENSI

- Berdasarkan keperluan yang mendesak bagi menampung apa-apa keperluan luar jangkaan pada masa akan datang
- Peruntukan sebanyak RM710,000.00

08

SUMBANGAN KHAS PERALATAN PENCEGAHAN COVID-19

- Pembelian peralatan pencegahan penularan seperti topeng muka & hidung, sarung tangan & hand sanitizer
- Disalurkan kepada masjid, surau dan masyarakat awam di negeri Perak
- Peruntukan sebanyak RM1,500,000.00

07

SUMBANGAN KHAS PERALATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN

- Disalurkan kepada hospital-hospital Negeri Perak
- Menampung keperluan peralatan rawatan dan perubatan menangani Covid-19 berdasarkan cadangan atau permintaan Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Peruntukan sebanyak RM1,000,000.00

06

BANTUAN KHAS PETUGAS BARISAN HADAPAN COVID-19

- Disalurkan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Perak, PDRM, ATM dan agensi-agensi lain untuk keperluan kebajikan petugas-petugas ketika bertugas di barisan hadapan
- Peruntukan sebanyak RM500,000.00

BANTUAN MAIPk HADAPI COVID-19

Dalam menangani wabak pandemik Covid-19 yang melanda, pihak MAIPk memberi pelbagai bantuan sumbangan kepada mereka yang terkesan dan sumbangan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus menyelamatkan nyawa dalam menangani jangkitan wabak Covid-19. Pihak MAIPk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan atas pengorbanan yang mereka lakukan dalam tempoh yang mencabar ini. Semoga wabak Covid-19 ini dapat dibasmi dan rakyat Malaysia mendapat rahmat dan perlindungan Allah SWT.

IPOH, 28 MAC 2020

Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, A.F Ustaz Bakri bin Lee bersama-sama pegawai agihan zakat telah memberi bantuan sumbangan khas seperti topeng muka, hand sanitizer, dan goodies bag kepada petugas barisan hadapan Covid-19 di Markas 2 Briged dan IPK Perak.



IPOH, 30 MAC 2020

Sumbangan 4,000 Kotak Makanan di perkarangan Parkir Stadium Hoki Stadium Sultan Azlan Shah, Ipoh. Kotak makanan ini bernilai RM240,000 disalurkan melalui Bilik Gerakan COVID-19 di bawah kendalian Pejabat Daerah dan Tanah untuk diagihkan seluruh daerah di negeri Perak.



IPOH, 9-10 APRIL 2020

Sumbangan Bantuan Kotak Makanan dan Peralatan Kesihatan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Perak yang disalurkan kepada hospital-hospital di negeri Perak.



IPOH, 14 APRIL 2020

Sumbangan 600 set Peralatan Perlindungan Diri (PPE) kepada Jabatan Kesihatan Negeri Perak yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Tuan Muhamad Ghopran bin Yeop Hamzah di perkarangan Kompleks Islam Darul Ridzuan.

**IPOH, 25 APRIL 2020**

Pihak MAIPk telah membantu memberi sumbangan beras kepada NGO Ipoh Central Kitchen untuk tujuan penyediaan makanan di Pusat Gelandangan di Arena Badminton MBI. Sumbangan telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari.

**IPOH, 30 APRIL 2020**

Sumbangan peralatan keselamatan topeng muka, sarung tangan dan *hand sanitizer* kepada petugas barisan hadapan COVID-19 iaitu APM, RELA, JAIPk dan Bahagian Kerajaan Tempatan SUK yang disampaikan oleh Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pengurusan MAIPk, Encik Rohizan bin Omar.

**MESIR, 22 MEI 2020**

Serahan Shantah Ramadhan 1441H kepada Pelajar Perubatan Tanta, Mesir, melalui pegawai Atase Pendidikan Perak, Mohammed Tasyreef Mohamad Tarmizi. Sumbangan perbelanjaan adalah untuk pengagihan bekalan makanan asas dan pengagihan bantuan berbuka puasa.



MAIPk TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN BERJUMLAH RM3,435,905.77

KUALA LUMPUR, 9 Januari 2020 – Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Shah al-Maghfur Lah berkenan menerima serahan zakat perniagaan daripada 6 agensi berjumlah RM3,435,905.77 di Istana Perak, Changkat Persekutuan.

Pada majlis berkenaan, Bank Pembangunan Malaysia Berhad menjadi agensi tertinggi membuat pembayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 2018 iaitu sebanyak RM1,300,000.00. Ini diikuti KAF Investment Bank Bhd sebanyak RM928,000.00, Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Bhd sebanyak RM523,516.30, Risda Negeri Perak sebanyak RM383,389.47, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sebanyak RM200,000.00 dan Gerbang Alaf Restaurant sebanyak RM101,000.00.

Majlis ini turut dihadiri oleh YABhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja YABhg. Jen. (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd Zahidi bin Haji Zainuddin, Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin dan Anggota MAIPk, YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed, serta Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari.

Pada minggu ini juga MAIPk telah menerima zakat perniagaan daripada 3 agensi di majlis yang berlainan iaitu daripada FGV Holdings Berhad sebanyak RM 105,739. 00, Gitn Sdn. Bhd. Sebanyak RM95,000.00 dan Prosontech Sdn Bhd sebanyak RM25,000.00. Majlis Penyerahan Zakat ini diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk iaitu YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari.



PELANTIKAN TIGA ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

KUALA KANGSAR, 18 Januari 2020 - Satu Majlis Istiadat Pelantikan dan Penyerahan Watikah Jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan (Ex-Officio) dan Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak telah diadakan di Balairong Kecil, Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Shah al-Maghfur Lah berkenan mengurniakan watikah pelantikan kepada tiga anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak (Ex-Officio) dan juga watikah sebagai Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Mereka yang dikurniakan watikah ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB. Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, YB. Tuan Azmir Shah Zainal Abidin dan Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB. Dato' Zulazlan Abu Hassan.



TAKLIMAT FUNGSI, TANGGUNGJAWAB DAN TATAKELAKUAN JAWATANKUASA KARIAH DAN PEGAWAI MASJID MENURUT UNDANG-UNDANG SERTA BENGKEL PERCAMBAHAN MINDA BANTUAN MODAL PERNIAGAAN MAIPK BERSAMA ORANG-ORANG BESAR JAJAHAN NEGERI PERAK

IPOH, 05 Mac 2020 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Taklimat Fungsi, Tanggungjawab dan Tatakelakuan Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid menurut undang-undang serta Bengkel Percambahan Minda Bantuan Modal Perniagaan MAIPk bersama Orang-Orang Besar Jajahan Negeri Perak di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan.

Taklimat telah dihadiri oleh Orang-Orang Besar Jajahan Perak (OBJ), Pengarah JAIPk, Timbalan Pengarah JAIPk, Pegawai Tadbir Agama (PTA), Pengurusan Tertinggi MAIPk, Pegawai-pegawai MAIPk serta Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD). Taklimat dimulai dengan kata aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari dan seterusnya ucapan dari Pengarah JAIPk, YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin.



Taklimat Fungsi, Tanggungjawab dan Tatakelakuan Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid menurut undang-undang telah disampaikan oleh Penolong Penasihat Undang-undang Negeri Perak (Syariah), Tuan Zaini bin Abd Rahim. Taklimat diadakan adalah merujuk kepada titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Shah al-Maghfur Lah yang menitahkan agar MAIPk menganjurkan satu taklimat khusus kepada semua Orang Besar Jajahan Negeri Perak, Pegawai Tadbir Agama Daerah dan Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah. Ini adalah rentetan dari penyalahgunaan fungsi masjid dan surau yang berleluasa mutakhir ini demi kepentingan pihak tertentu di negeri Perak.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai pihak yang bertanggungjawab dengan pengurusan masjid termasuklah Pegawai-Pegawai Masjid yang terdiri daripada Imam dan Bilal serta Jawatankuasa Kariah yang wajib bertanggungjawab, amanah, dan berintegriti dalam memikul tugas masing-masing. Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018 dan Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Kariah Negeri Perak 2015

hendaklah difahami, dihadam dan dipatuhi sepenuhnya oleh setiap Pegawai Masjid yang terdiri daripada Imam dan Bilal dan ahli Jawatankuasa Kariah. Tanggungjawab mesti dipikul dengan amanah dan tidak tersasar daripada landasan undang-undang.

Antara tatakelakuan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah yang amat dititikberatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Shah al-Maghfur Lah adalah pegawai-pegawai ini tidak melibatkan diri atau menyebabkan penglibatan aktiviti-aktiviti berbaur politik di masjid. Ketidakpatuhan undang-undang dan salah laku Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bukanlah suatu perkara remeh yang boleh dipandang enteng. Kalangan inilah yang merupakan penjaga kepada institusi masjid. Jika runtuh keperibadian penjaga masjid, maka goyahlah sesuatu institusi masjid dan semakin sukarlah peranan-peranan masjid yang dinyatakan sebelum ini dapat dicapai. Telah wujud salah laku yang dilakukan oleh Pegawai-Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah dilaporkan kepada Majlis dan telah diambil tindakan yang sewajarnya. Diharap perkara-perkara ini dapat memberikan pengajaran dan kesedaran kepada semua agar perkara-perkara tersebut tidak diulang lagi.



Selepas selesai taklimat ini, pihak MAIPk juga telah menyediakan bengkel percambahan minda bantuan modal perniagaan MAIPk bersama Orang-Orang Besar Jajahan Perak yang telah disampaikan oleh pihak Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Bengkel ini diadakan secara khususnya adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan dari Orang Besar Jajahan berkaitan kaedah dan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan Bantuan Modal Perniagaan MAIPk. Bantuan Modal Perniagaan merupakan salah satu skim di dalam Program Pembangunan Ekonomi yang bertujuan membantu para asnaf yang telah mula terlibat dengan perniagaan secara kecil-kecilan bagi membolehkan perniagaan tersebut dapat berkembang dengan lebih maju melalui tambahan peralatan yang bersesuaian.



LAWATAN KERJA YB MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN KE MAIPk

IPOH, 18 Mei 2020 – Satu lawatan kerja oleh Yang Berhormat Mohd Akmal bin Kamarudin, Pengurus Jawatankuasa Agama Islam dan Penerangan Negeri Perak ke MAIPk telah diadakan di Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Beliau yang juga merupakan Anggota MAIPk telah menerima taklimat yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk,

YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari. Tujuan lawatan kerja ini adalah bagi mendapatkan maklumat penuh mengenai pengurusan dan operasi di MAIPk secara keseluruhan. Diharapkan sesi lawatan kerja ini akan dimanfaatkan bagi membantu gerak kerja MAIPk dari semasa ke semasa memacu dan membantu kemajuan umat Islam di negeri Perak.



PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSEPADU ANTARA AGENSI DI PREMIS TANAH PERKUBURAN PERINGKAT NEGERI PERAK

IPOH, 20 Jun 2020 - Program Gotong-Royong Bersepadu Antara Agensi Di Premis Tanah Perkuburan telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu di tanah Perkuburan Islam Kg. Rapat Jaya. Pihak MAIPk turut bersama-sama menjayakan program gotong royong ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari. Program ini turut berlangsung serentak di semua daerah di negeri Perak sebagai inisiatif untuk membersihkan tanah perkuburan sambil menyedarkan

masyarakat tentang perihal pentingnya menjaga kebersihan dan memastikan tapak perkuburan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes yang menjadi punca penularan demam denggi. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program gotong-royong bersepadu ini dan semoga program gotong-royong seperti ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dalam memastikan kebersihan di sekitar tanah perkuburan sentiasa bersih dan terjaga.



PROGRAM JEJAK ASNAF MAIPK

Program Jejak Asnaf MAIPk merupakan program penting kepada MAIPk dalam memastikan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya. Pihak MAIPk dapat melihat keadaan sebenar kehidupan asnaf yang tidak berasas baik di lokasinya dan kawasan pedalaman. Hasil kunjungan yang dijalankan, pelbagai jenis bantuan telah diluluskan oleh MAIPk seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan baik pulih rumah dan bantuan bina rumah. Program jejak asnaf menjadi medium untuk membela para asnaf dan kesukaran mereka telah diberi perhatian yang sewajarnya. Para asnaf yang dikunjungi turut menerima sumbangan berupa wang tunai dan kotak makanan bagi menampung keperluan semasa keluarga.

JEJAK ASNAF DAERAH PENGKALAN HULU 06 FEBRUARI 2020

MAIPk telah menziarahi dan menyantuni empat buah rumah asnaf yang diketuai oleh YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar.LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi, Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) dan disertai Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, A.F Ustaz Bakri bin Lee, Pegawai Baitulmal Daerah Pengkalan Hulu, Encik Fairuz bin Zahari serta pegawai-pegawai daerah dan ibu pejabat MAIPk.



JEJAK ASNAF DAERAH TELUK INTAN 10 MAC 2020

Program Jejak Asnaf telah menziarahi dan menyantuni empat buah rumah asnaf di dua mukim iaitu Mukim Labu Kubong dan Mukim Sungai Durian. Program jejak asnaf dihadiri Orang Besar Jajahan Hilir Perak, YDH Toh Muda Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota, Dato' Haji Meor Redwan bin Mahayudin, dan Anggota MAIPk, YBrs. Tuan Haji Mohd Hanid bin Abdullah Sani. Turut serta pada program jejak asnaf ini ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, AF. Ustaz Bakri bin Lee, Pegawai Baitulmal Daerah MAIPk Teluk Intan, Encik Zul Azri bin Hosaini serta pegawai-pegawai MAIPk.



JEJAK ASNAF DAERAH MANJUNG 23 JUN 2020

Pihak MAIPk telah menziarahi dan menyantuni empat buah rumah asnaf di sekitar daerah Manjung. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari telah mengetuai program ini bersama-sama Orang Besar Jajahan Manjung dan Anggota MAIPk, YDH. Lt. Kol. [B] Dato' Shaharudin bin Haji Nazari, Pegawai Baitulmal Daerah Manjung, Encik Mohamad Hafizi bin Mohamah Nor berserta urusetia MAIPk.



PROGRAM ZIARAH RAMADAN 1441H

Nasib golongan asnaf fakir dan miskin sentiasa menjadi perhatian pihak MAIPk dalam memastikan kumpulan ini menerima zakat dan dibantu sebaiknya. Program Ziarah Ramadan diadakan bertujuan untuk menziarahi dan menyantuni asnaf selanjutnya membantu meringankan beban serta memberikan keceriaan kepada para asnaf menjelang Hari Raya Aidilfitri. Hasil kunjungan yang dijalankan, pelbagai jenis bantuan telah diluluskan oleh MAIPk seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan sewa bulanan, bantuan baik pulih rumah dan bantuan bina rumah.

25 APRIL 2020

Pihak MAIPk telah menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf di tiga buah rumah, di Mukim Sg. Raia Simpang Pulai. Bantuan disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) daerah Kinta.



8 MEI 2020

Empat buah rumah asnaf disantuni di Buntong dan Kg. Kepayang, Fair Park. Bantuan disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari. Turut serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (Pembangunan), Puan Wan Maizura binti Haji Wan Zahari dan pegawai-pegawai Bahagian Agihan Zakat.



21 MEI 2020

Pihak MAIPk menziarahi lima buah rumah golongan asnaf di Mukim Kinta Ipoh dan Lahat. Bantuan disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari dan hadir bersama Anggota MAIPk, YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang. Turut serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (Pembangunan), Puan Wan Maizura binti Haji Wan Zahari dan Pegawai-pegawai Bahagian Agihan Zakat.



ASNAF JANA PENDAPATAN DI KAWASAN MASJID MELALUI KABIN GUNTING RAMBUT

Bantuan kabin gunting rambut merupakan salah satu produk Program 1 Masjid 1 Perniagaan di bawah Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) membantu asnaf keluar daripada kepompong kemiskinan. Tapak kedai gunting rambut berada dalam kawasan masjid antara lain bertujuan untuk menjadikan masjid sebagai tempat ibadah dan kegiatan ekonomi. Secara tidak langsung kabin gunting rambut akan menarik ramai anak muda yang datang sebagai pelanggan secara tidak langsung dapat mendekatkan diri mereka kepada masjid.

BAGAN SERAI

Masjid Jamek Ar-Ridzuan, Bagan Serai, 21 Januari 2020



MUALLIM

Masjid Jamek Kampung Kuala Slim, 21 Januari 2020



KAMPAR

Masjid Al-Muttaqin Malim Nawar, 11 Februari 2020



TELUK INTAN

Masjid Jamek Taman Desa Bakti Teluk Intan, 25 Februari 2020



SIFU BIKERS DAN MAIPK KERJASAMA BERI SUMBANGAN OKU PENGLIHATAN

IPOH, 12 Mei 2020 dan 16 Mei 2020 - Alhamdulilah, satu program sumbangan bantuan kepada insan golongan OKU Penglihatan / Buta di sekitar Ipoh telah dilaksanakan oleh MAIPk dengan kerjasama Sifu Bikers memberi sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik. Program tersebut diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pengurusan MAIPk, Encik Rohizan bin Hj. Omar bersama pegawai bahagian agihan zakat MAIPk. Terima kasih kepada semua yang telah menjayakan program.



PROGRAM HIJRAH ASNAF KE MENARA GADING (HIASMEGA) 2020

LENGGONG, 4 Mac 2020 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan majlis penutup Program Hijrah Asnaf ke Menara Gading (HIASMEGA) 2020 di Dewan Besar, KKTM Lenggong. Majlis disempurnakan oleh YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato’ Ar.LA Meor Roslan bin Dato’ Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi, Orang Besar Jajahan Hulu Perak. Turut hadir, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, A.F Ustaz Bakri bin Lee. Program yang direncanakan ini merupakan satu inisiatif MAIPk dalam meningkatkan taraf ekonomi asnaf Fakir dan Miskin melalui bidang pendidikan bagi membolehkan anak asnaf melanjutkan pendidikan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seterusnya berdaya saing di alam pekerjaan.

Selain itu, para pelajar akan dibimbing dalam menentukan hala tuju selepas memperolehi keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta persediaan sebelum melangkah ke IPT. Program ini turut membantu pelajar mendapatkan maklumat lanjut tentang IPT pilihan meliputi kursus yang ditawarkan serta panduan syarat-syarat kemasukan. Pelajar dapat mengenal pasti kursus yang ditawarkan sesuai dengan minat dan cita-cita sekaligus membantu memperolehi keputusan yang cemerlang dalam semua subjek yang bakal diambil dan memperolehi pekerjaan di industri berkaitan.



SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPk



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN NORSALINA BINTI MOHD HUSSIN YANG MENGHIDAP MASALAH KESIHATAN DI KG. TAPAH PADA 9 JANUARI 2020



MENYANTUNI ASNAF ENCIK SHARIF BIN ALI MOHAMAD PENERIMA BANTUAN KEWANGAN BULANAN MAIPk PADA 21 JANUARI 2020. PIHAK MAIPk BERUSAHA SEBAIKNYA UNTUK MENDAPATKAN TEMPAT TINGGAL KEPADA PEMOHON



SUMBANGAN BANTUAN PERUBATAN MESIN OXYGEN KEPADA ADIK BEN TUFAVEL BIN MOHAMAD HAFIZ NG YANG BERUSIA 1 TAHUN DAN MENGHIDAPI MASALAH JANTUNG DAN PARU-PARU KRONIK PADA 22 JANUARI 2020



SUMBANGAN BANTUAN PERUBATAN KEPADA ENCIK SYED ARIFFIN BIN SYED HASSAN YANG TERLANTAR SAKIT PADA 22 JANUARI 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN ENCIK MOHAMAD FAWZI BIN GHAZALI MANGSA KEBAKARAN DI KG. TERSUSUN SENGGANG PADA 24 JANUARI 2020



SUMBANGAN BANTUAN PERUBATAN KEPADA WAKIL ENCIK MOHD HISHAM BIN MOHD SALIM YANG SEDANG SAKIT TERLANTAR AKIBAT STROK DI DESA PENGKALAN BANDARAYA PADA 4 FEBRUARI 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA TIGA BUAH KELUARGA MANGSA KEBAKARAN DI KG KEPAYANG FAIR PARK PADA 12 FEBRUARI 2020



SUMBANGAN BANTUAN PERUBATAN KEPADA WAKIL ENCIK MOHD HISHAM BIN MOHD SALIM YANG SEDANG SAKIT TERLANTAR AKIBAT STROK DI DESA PENGKALAN BANDARAYA PADA 4 FEBRUARI 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MOHAMAD ALL AFIS BIN MOHD SUPIAN SEORANG OKU (FIZIKAL) YANG TERPUTUS BELANJA DI KG SERDANG PERMAI PADA 20 FEBRUARI 2020



SUMBANGAN BANTUAN PERUBATAN KATIL HOSPITAL, TILAM HOSPITAL DAN TILAM ANGIN KEPADA PUAN HAFSAH BINTI MAT LIAS DI KG PADANG AMPANG KOTA LAMA KIRI PADA 20 FEBRUARI 2020.



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA KELUARGA PN ZALINA BANU BINTI GUNAWAN SEORANG IBU TUNGGAL YANG TERPUTUS BELANJA DAN SEWA RUMAH TERTUNGGAK DI TAMAN GUNUNG VIEW PADA 24 FEBRUARI 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PN. ROKIAH BINTI SHAFIE SEORANG IBU TUNGGAL DAN TERPUTUS BELANJA DI KG. PENGKALAN GATE LAHAT PADA 24 FEBRUARI 2020



SUMBANGAN BANTUAN PERUBATAN KEPADA ASNAF SAKIT TERLANTAR DI RUMAH AWAM SLIM RIVER PADA 14 APRIL 2020



SUMBANGAN BANTUAN PERUBATAN KATIL KEPADA PN. ISAH BINTI TAIB YANG PESAKIT TERLANTAR KG. TEMELONG, LENGGONG PADA 22 APRIL 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK DOLLAH A/L RASHID ASNAF YANG TERPUTUS BELANJA DI BUNTONG PADA 4 MEI 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN NONA BINTI HAMID ASNAF YANG TERPUTUS BELANJA PERUBATAN SUAMINYA YANG MENGHIDAP PENYAKIT TUMOR OTAK DI KUALA PARI PADA 4 MEI 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK MOHD FITRI BIN ESA YANG MENGALAMI KECEDERAAN PATAH TULANG BELAKANG DI TAMAN BERTUAH PADA 5 MEI 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI JALAN DATO SAGOR KUALA KANGSAR PADA 8 MEI 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI FELDA LASAH PADA 21 MEI 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI TAMAN PENGKALAN JAYA, PASIR PUTEH PADA 02 JUN 2020



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK NURDIWATI BIN HJ MOHD YUSOP DI PPRT KG. PENGKALAN BAHRU KG. KEPAYANG, PERAK PADA 19 JUN 2020

MAIPk TERIMA SIJIL PENGHARGAAN PRESTASI CEMERLANG (100%) PENYELESAIAN PRESTASI ADUAN AWAM BAGI TAHUN 2019

IPOH – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menerima sijil penghargaan Pencapaian Cemerlang (100%) Penyelesaian Prestasi Aduan Awam bagi tahun 2019 daripada YBrs. Puan Nor Sham binti Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) negeri Perak. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada warga kerja MAIPk di atas pencapaian yang diperoleh pada tahun 2019 dan semoga kecemerlangan diteruskan lagi pada tahun 2020.



MAIPk TERIMA SIJIL PENGKITTIRAFAN KHAS PRODUK RUMAH PILIHAN (BANTUAN BINA RUMAH MAIPk) DARIPADA LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK

IPOH, 16 Januari 2020 - Majlis Penutup Seminar dan Dialog Mekanisme Pembangunan Perumahan Negeri Perak telah berlangsung di Hotel Syuen, Ipoh dengan jayanya. Sempena majlis ini, pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak telah menyampaikan Sijil Pengiktirafan Khas Produk Rumah Pilihan (Bantuan Bina Rumah MAIPk) sebagai pengiktirafan atas komitmen dan usaha yang komited dari pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak yang telah banyak membantu golongan asnaf dan yang memerlukan bantuan dengan pemberian 3 jenis rumah pada harga RM25,000.00 hingga RM50,000.00. Sijil pengiktirafan telah disampaikan oleh YB Yong Choo Kiong, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baharu kepada YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Pada tahun 2019, pihak MAIPk telah menyalurkan Bantuan Bina Rumah sebanyak 304 buah rumah dan Bantuan Baik Pulih Rumah pula sebanyak 494 buah rumah kepada asnaf.



BERITA SANA SINI



PERHIMPUNAN BULANAN MAIPk BIL. 1/2020 DI KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN PADA 22 JANUARI 2020



MESYUARAT ISU-ISU PERUNDANGAN PENTADBIRAN TANAH WAKAF DAN BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI-NEGERI DI PUTRAJAYA PADA 30 JANUARI 2020



BENGKEL TAKSIRAN ZAKAT HARTA SIRI 1 BAGI TAHUN DI KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN PADA 4 FEBRUARI 2020



PERHIMPUNAN KONTRAKTOR PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN GRED G1 LANTIKAN MAIPk 2020 DI KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN PADA 5 FEBRUARI 2020



TAKLIMAT PELAKSANAAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH DAN PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI DI KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN PADA 21 FEBRUARI 2020



PROGRAM BICARA MINDA "KERJA KITA, IBADAH KITA" BERSAMA SYEIKH MUHAMMAD ABDEL AZIZ MAHMOUD GHONIM, PENASIHAT AM DAN AHLI LAJNAH FATWA AL-AZHAR DI KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN PADA 9 MAC 2020



PENERANGAN KEPADA MEDIA MENGENAI GARIS PANDUAN BAYARAN ZAKAT HARTA DAN ZAKAT FITRAH DI KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN PADA 4 APRIL 2020



MAJLIS PENYERAHAN BARANGAN WAKAF OLEH RESTORAN BUDAK JALANAN DI IPOH PADA 22 MEI 2020



PERSIDANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK KALI KE-212 BD. 01/2020

Tunaikan ZAKAT DAN BERWAKAF KEPADA MAIPk

KAEDAH BAYARAN

ZAKAT - MAIPk

- 19 Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
- Amil / Perunding
- Kaunter Pos Malaysia

WAKAF PERAK AR-RIDZUAN

- 19 Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
- Wakil kutipan / Amil

POTONGAN GAJI ONLINE

epzb.maiamp.gov.my

www.wakafperak.gov.my

SALURAN BAYARAN ONLINE

FPX melalui : <https://ezakat.maiamp.gov.my>

Agen-agen Kutipan Zakat :



Muat Turun di Google Play & App Store

SnapNPay :

GoPAYZ™

FPX melalui : www.wakafperak.gov.my

Internet Banking melalui : Maybank2u.com

EFT Akaun Maybank :

558024315712

Waqaf Perak Ar-Ridzuan

JomPay:

Biller Code 29892

Ref-1 : Nombor yang dihasilkan dari janaan pendaftaran di www.wakafperak.gov.my

Muat Turun di Google Play & App Store

SnapNPay :

GoPAYZ™

7

Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

- 1) Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.
- 2) Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- 3) Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- 4) Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
- 5) Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
- 6) Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
- 7) Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

